

RM5.034b bina sekolah, institusi pendidikan

Um - 5/6/2022
mf: 3

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KUALA NERUS: Kerajaan memperuntukkan RM5.034 bilion bagi projek pembangunan sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negara di bawah Rolling Plan Kedua (RP2) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 79 projek baharu dan sambungan dilaksanakan di Terengganu dengan kos sebanyak RM914.79 juta.

Menurut beliau, setakat ini, sebanyak 42 projek berkenaan siap sepenuhnya manakala 18 lagi di peringkat pelaksanaan dan baki 19 projek berstatus prabina.

“Selain itu, sebanyak 26 projek menaik taraf dan pembangunan semula sekolah daif diluluskan sepanjang 2017 hingga 2022 dengan peruntukan RM60.93 juta.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 21 projek sudah disiapkan manakala baki lima projek dalam peringkat prabina,” kata Perdana Menteri ketika beru-



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan sumbangan Yayasan Keluarga Malaysia kepada adik Sarah A'isha Saiful Nizam yang ditemani ibunya, Sharifah Hasnida Syed Alam Ghafar pada majlis penutup Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus semalam. -MINGGUAN/PUQTRA HAIRRY

cap merasmikan penutup Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Terengganu di Kompleks Sukan Gong Badak di sini semalam.

Terengganu adalah negeri

keempat bagi siri Jelajah AKM selepas Johor, Perlis dan Sabah dengan jumlah pengunjung melebihi 21,745 orang sepanjang tiga hari penganjurannya.

Terdahulu, Ismail Sabri me-

nyampaikan bantuan one-off Yayasan Keluarga Malaysia kepada 10 penerima selain Skim Insurans Keluarga Malaysia dan bantuan persediaan Yayasan Terengganu (YT).